Seramai 2,533 orang atau (44.9%) pegangan pertanian individu di Kuala Pilah mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil 1,417 orang (25.1%) dan peringkat rendah 1,409 orang (25.0%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 283 orang (5.0%).


Paparan 65: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



4.2.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam pada 2023 di Kuala Pilah merekodkan sebanyak 20,808 hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertanam 10,296 hektar dengan sumbangan 49.5 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 10,512 hektar (50.5%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertanam ini adalah kelapa sawit 10,987 hektar, getah 8,141 hektar dan buah-buahan 709 hektar.


Paparan 66: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



4.2.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai di Kuala Pilah merekodkan sebanyak 18,803 hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertuai 9,139 hektar dengan sumbangan 48.6 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 9,663 hektar (51.4%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertuai ini adalah kelapa sawit dengan 9,905 hektar, getah 7,257 hektar dan buah-buahan 694 hektar.


Paparan 67: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



4.2.4 Kuantiti Pengeluaran


Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Kuala Pilah mencatatkan 246.4 ribu tan metrik yang meliputi pertubuhan sebanyak 202.2 ribu tan metrik dan individu (44.2 ribu tan metrik). Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 221.0 ribu tan metrik. Ini diikuti Buah-buahan dan Sayur-sayuran, masing-masing menghasilkan 7.1 ribu dan 6.8 ribu tan metrik.

Paparan 68: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti pengeluaran bagi **aktiviti ternakan hidup** di Kuala Pilah adalah sebanyak 130.2 juta ekor, dengan penternakan ayam/ itik mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi (25.9 juta ekor) atau 11.0 peratus. Bilangan pengeluaran lembu/kerbau pada tahun 2023 adalah 2.8 ribu ekor, manakala kambing/ bebiri merekodkan 3.7 ribu ekor. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 103,726.6 ribu biji telur, 1,022.9 ribu liter susu segar dan 1.6 ribu kilogram.

Paparan 69: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Kuala Pilah merekodkan kuantiti pengeluaran dan jualan sebanyak yang sama sebanyak 0.3 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau dan 5,133.3 ribu ekor yang meliputi Baka & Benih.


Paparan 70: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



4.2.5 Kuantiti dan Nilai Jualan


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman di Kuala Pilah pada 2023 mencatatkan 243.0 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 221.0 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh sayur-sayuran dan getah dengan masing-masing mengeluarkan 6.5 ribu dan 5.7 ribu tan metrik. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM368.03 juta.

Paparan 71: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti jualan ternakan hidup di Kuala Pilah merekodkan 125,238.8 ribu ekor. Pertubuhan menyumbang sebanyak 125,098.0 juta ekor haiwan hidup manakala individu merekodkan 140.7 ribu ekor. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 103,200.6 ribu biji telur, 982.5 ribu liter susu dan 1.6 ribu kilogram. Nilai jualan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM746.12 juta.

Paparan 72: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Kuala Pilah merekodkan kuantiti jualan sebanyak 0.3 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Manakala, bagi baka & benih, kuantiti jualan yang dicatatkan adalah sebanyak 5,133.3 ribu ekor. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM6.32 juta.

Paparan 73: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023




Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor Perhutanan & Pembalakan) di Kuala Pilah merekodkan RM1,120.47 juta, di mana 84.4 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM945.85 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 15.6 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Kuala Pilah iaitu RM174.63 juta.

4.2.6 Pendapatan

Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 di Kuala Pilah adalah RM1,389.39 juta. Daripada jumlah ini, RM404.41 (29.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM984.98 juta (70.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Bagi pendapatan subsektor tanaman merekodkan RM413.62 juta. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM137.03 juta (33.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM276.59 juta (66.9%).

Paparan 74: Pendapatan Subsektor Tanaman, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan daripada aktiviti ternakan di Kuala Pilah pada 2023 berjumlah RM968.50 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan RM705.04 juta (72.8%) berbanding pegangan pertanian individu iaitu RM263.46 juta (27.2%).

Paparan 75: Pendapatan Subsektor Ternakan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan pendapatan RM6.56 juta. Pendapatan bagi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau adalah RM 5.79 juta. Sementara itu, pendapatan bagi baka & benih berjumlah RM0.77 juta.


Paparan 76: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



4.2.7 Perbelanjaan


Jumlah perbelanjaan sektor pertanian di Kuala Pilah pada tahun 2023 adalah RM445.96 juta. Daripada jumlah ini, RM276.93 juta (62.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM169.03 juta (37.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM133.55 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM51.34 juta (38.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM82.21 juta (61.6%).

Paparan 77: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023




Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah RM309.47 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 27.6 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 72.4 peratus oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 78: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



Secara keseluruhan, subsektor akuakultur di Kuala Pilah mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM2.65 juta, merangkumi aktiviti akuakultur, air tawar dan air payau (RM2.25 juta). Manakala, baka & benih dan ikan hiasan merekodkan RM0.40 juta. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut pegangan individu menyumbang RM1.54 juta (58.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM1.11 juta (41.7%).

Paparan 79: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



4.2.8 Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor pertanian pada tahun 2023 di Kuala Pilah adalah seramai 3,448 orang. Daripada jumlah tersebut, 2,147 orang (62.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 1,301 orang (37.7%) merupakan pertanian pertubuhan.

Sejumlah 1,380 orang pemilik & rakan niaga yang aktif telah direkodkan dengan pegangan pertanian individu menyumbang 1,233 orang (89.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 147 orang (10.7%).

Pekerja keluarga tanpa gaji merekodkan 220 orang, dengan 198 orang (90.0%) adalah pegangan pertanian individu dan 22 orang (10.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pekerja bergaji merekodkan seramai 1,848 orang.

Daripada jumlah ini, sebanyak 716 orang (38.7%) pegangan pertanian individu yang direkodkan, manakala seramai 1,132 orang (61.3%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 80: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023

	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Jumlah Guna Tenaga	**3,448**	**2,147**	**1,301**
Pemilik & Rakan Niaga yang Aktif	**1,380**	**1,233**	**147**
Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	**220**	**198**	**22**
Pekerja Bergaji	**1,848**	**716**	**1,132**

4.2.9 Gaji & Upah

Secara keseluruhan, purata gaji dan upah tahunan di Kuala Pilah merekodkan sebanyak RM26,584. Bagi Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM27,939, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM25,727.

Paparan 81: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023




4.3 DAERAH PENTADBIRAN PORT DICKSON

4.3.1 Profil Pegangan Pertanian

Keluasan Port Dickson adalah 58,310.32 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 43,806.24 hektar (75.1%). Penduduk di Port Dickson adalah 132.7 ribu orang dengan kepadatan penduduk 209 orang per kilometer persegi. Port Dickson merekodkan bilangan isi rumah 35.1 ribu orang dan purata saiz isi rumah adalah 3.8 orang. Bilangan pegangan pertanian di Port Dickson adalah 3,434 orang. Daripada jumlah ini, 3,280 (95.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 154 (4.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor di Port Dickson adalah tanaman iaitu 2,843 dengan 2,757 (97.0%) pegangan pertanian individu dan 86 (3.0%) pegangan pertanian pertubuhan. Ini diikuti oleh subsektor ternakan sebanyak 146 pegangan pertanian dengan 101 (69.2%) pegangan pertanian individu dan 45 (30.8%) pegangan pertanian pertubuhan. Subsektor perikanan tangkapan merekodkan sebanyak 398 pegangan pertanian individu. Manakala, subsektor akuakultur mencatatkan 64 pegangan pertanian dengan 42 (65.6%) pegangan pertanian individu dan 22 (34.4%) pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 82: Bilangan Pegangan Pertanian, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.1.1 Kewarganegaraan

Majoriti pegangan pertanian individu di Port Dickson dipelopori oleh warganegara seramai 3,278 orang dengan sumbangan 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala 2 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 83: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



Warganegara

3,278
(99.9%)




Bukan Warganegara

2
(0.1%)

4.3.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian di Port Dickson pada 2023 merekodkan 3,280 orang dipelopori oleh lelaki seramai 2,603 orang (79.4%) berbanding perempuan seramai 677 orang (20.6%).


Paparan 84: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 1,730 orang atau 52.7 peratus daripada pegangan pertanian individu di Port Dickson adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun 978 orang (29.8%), 31 hingga 45 tahun 490 orang (14.9%) dan 15 hingga 30 tahun 82 orang (2.5%).


Paparan 85: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu di Port Dickson adalah etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 1,737 orang (53.0%), diikuti oleh Cina 1,256 orang (38.3%), India 280 orang (8.5%) dan lain-lain 5 orang (0.2%).


Paparan 86: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.1.5 Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian didominasi oleh individu berstatus berkahwin iaitu seramai 2,482 orang atau 75.7 peratus. Balu/ duda merekodkan seramai 403 orang (12.3%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin, bercerai dan berpisah, masing-masing seramai 341 orang (10.4%) dan 54 orang (1.6%).


Paparan 87: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 1,222 orang atau (37.3%) pegangan pertanian individu di Port Dickson mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil 752 orang (22.9%) dan peringkat rendah 1,005 orang (30.6%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 301 orang (9.2%).


Paparan 88: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam pada 2023 di Port Dickson merekodkan sebanyak 27.2 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertanam 21.7 ribu hektar dengan sumbangan 79.7 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 5.5 ribu hektar (20.3%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertanam ini adalah kelapa sawit 24.8 ribu hektar, buah-buahan 1.0 ribu hektar dan getah 0.9 ribu hektar.


Paparan 89: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai di Port Dickson merekodkan sebanyak 23.9 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertuai 18.6 ribu hektar dengan sumbangan 77.9 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 5.3 ribu hektar (22.1%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertuai ini adalah kelapa sawit dengan 21.8 ribu hektar, buah-buahan 1.0 ribu hektar dan getah 0.6 ribu hektar.


Paparan 90: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.4 Kuantiti Pengeluaran


Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Port Dickson mencatatkan 498.7 ribu tan metrik yang meliputi pertubuhan sebanyak 418.3 ribu tan metrik dan individu (80.4 ribu tan metrik). Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 478.3 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing menghasilkan 14.7 ribu dan 3.8 ribu tan metrik.

Paparan 91: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi **aktiviti ternakan hidup** di Port Dickson adalah sebanyak 3,749.2 ribu ekor, dengan penternakan ayam/ itik mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi (3,746.7 ribu ekor) atau 99.9 peratus. Bilangan pengeluaran lembu/kerbau pada tahun 2023 adalah 1.0 ribu ekor, manakala kambing merekodkan 1.0 ribu ekor. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 77,938.1 ribu biji telur, 488.9 ribu liter susu segar dan 3.1 ribu kilogram.

Paparan 92: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023




Aktiviti perikanan tangkapan di Port Dickson merekodkan kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama sebanyak 573.8 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM9.2 juta.

Paparan 93: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Port Dickson merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 1.6 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 20,648.4 ribu ekor.


Paparan 94: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.5 Kuantiti dan Nilai Jualan


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman di Port Dickson pada 2023 mencatatkan 495.3 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 478.3 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 11.4 ribu dan 3.6 ribu tan metrik. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM601.68 juta.

Paparan 95: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti jualan ternakan hidup di Port Dickson merekodkan 2,113.9 ribu ekor. Pertubuhan menyumbang sebanyak 2,109.7 ribu ekor haiwan hidup manakala individu merekodkan 4.2 ribu ekor. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 77,937.8 ribu biji telur, 450.8 ribu liter susu dan 3.0 ribu kilogram. Nilai jualan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM76.73 juta.

Paparan 96: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023




Aktiviti perikanan tangkapan di Port Dickson didominasi sepenuhnya oleh aktiviti perikanan tangkapan darat dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 573.8 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM9.22 juta.






Paparan 97: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Port Dickson merekodkan kuantiti jualan sebanyak 1.5 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Manakala, bagi baka & benih, kuantiti jualan yang dicatatkan adalah sebanyak 20,558.2 ribu ekor. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM42.70 juta.


Paparan 98: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.6 Pendapatan


Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 di Port Dickson adalah RM967.90 juta. Daripada jumlah ini, RM289.25 juta (29.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM678.65 juta (70.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pendapatan subsektor tanaman merekodkan RM761.69 juta. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM273.01 juta (35.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM488.68 juta (64.2%).

Paparan 99: Pendapatan Subsektor Tanaman, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan daripada aktiviti ternakan di Port Dickson pada 2023 berjumlah RM150.91 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan RM147.61 juta (97.8%) berbanding pegangan pertanian individu iaitu RM3.31 juta (2.2%).

Paparan 100: Pendapatan Subsektor Ternakan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Port Dickson didominasi oleh individu sebanyak RM10.67 juta.

Paparan 101: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan pendapatan RM44.08 juta. Pendapatan bagi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau adalah RM39.84 juta. Sementara itu, pendapatan bagi baka & benih dan ikan hiasan berjumlah RM4.24 juta.


Paparan 102: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.7 Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian di Port Dickson pada tahun 2023 adalah RM346.96 juta. Daripada jumlah ini, RM107.52 juta (31.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM239.44 juta (69.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM251.47 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM100.21 juta (39.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM151.26 juta (60.1%).

Paparan 103: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023




Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah RM70.30 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 97.8 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 2.2 peratus oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 104: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Port Dickson, Malaysia, 2023




Rekod perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan Negeri Sembilan bagi tahun 2023 menunjukkan jumlah perbelanjaan keseluruhan RM5.38 juta yang didominasi sepenuhnya oleh pegangan individu.

Paparan 105: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



Secara keseluruhan, subsektor akuakultur di Port Dickson mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM19.52 juta, merangkumi aktiviti akuakultur, air tawar dan air payau (RM18.22 juta). Manakala baka & benih dan ikan hiasan merekodkan RM1.30 juta. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut pegangan individu menyumbang RM0.37 juta (1.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM19.16 juta (98.1%).

Paparan 106: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



4.3.8 Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor pertanian pada tahun 2023 di Port Dickson adalah seramai 7,531 orang. Daripada jumlah tersebut, 5,052 orang (67.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 2,479 orang (32.9%) merupakan pertanian pertubuhan.

Sejumlah 3,450 pemilik & rakan niaga yang aktif direkodkan dengan pegangan pertanian individu menyumbang 3,259 orang (94.5%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 191 orang (5.5%). Pekerja keluarga tanpa gaji pula merekodkan 233 orang, dengan 224 orang (96.1%) adalah pegangan pertanian individu dan 9 orang (3.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pekerja bergaji merekodkan seramai 3,848 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,569 orang (40.8%) pegangan pertanian individu yang direkodkan, manakala seramai 2,279 orang (59.2%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 107: Bilangan Guna Tenaga, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023

	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
Jumlah Guna Tenaga	7,531	5,052	2,479
Pemilik & Rakan Niaga yang Aktif	3,450	3,259	191
Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	233	224	9
Pekerja Bergaji	3,848	1,569	2,279

4.3.9 Gaji & Upah

Secara keseluruhan, purata gaji dan upah tahunan di Port Dickson merekodkan sebanyak RM18,086. Bagi Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM17,880, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM18,226.

Paparan 108: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023




4.4 DAERAH PENTADBIRAN REMBAU

4.4.1 Profil Pegangan Pertanian


Keluasan Rembau adalah 40,593.38 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 27,606.15 hektar (68.0%). Penduduk di Rembau adalah 48.5 ribu orang dengan kepadatan penduduk 120 orang per kilometer persegi. Rembau merekodkan bilangan isi rumah 13.4 ribu orang dan purata saiz isi rumah adalah 3.6 orang. Bilangan pegangan pertanian di Rembau adalah 3,503 orang. Daripada jumlah ini, 3,382 (96.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 121 (3.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor di Rembau adalah tanaman iaitu 3,186 dengan 3,109 (97.6%) pegangan pertanian individu dan 77 (2.4%) pegangan pertanian pertubuhan. Ini diikuti oleh subsektor ternakan sebanyak 247 pegangan pertanian dengan 206 (83.4%) pegangan pertanian individu dan 41 (16.6%) pegangan pertanian pertubuhan. Subsektor perikanan tangkapan merekodkan sebanyak 37 pegangan pertanian individu. Manakala, subsektor akuakultur mencatatkan 52 pegangan pertanian dengan 42 (80.8%) pegangan pertanian individu dan 10 (19.2%) pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 109: Bilangan Pegangan Pertanian, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



3,382
(96.6%)

(Individu)




121
(3.4%)

(Pertubuhan)

4.4.1.1 Kewarganegaraan

Majoriti pegangan pertanian individu di Rembau berjumlah 3,382 orang yang keseluruhannya terdiri daripada warganegara.

Paparan 110: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



Warganegara

3,382
(100.0%)




Bukan Warganegara

-

4.4.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian di Rembau pada 2023 merekodkan 3,382 orang dipelopori lelaki seramai 2,076 orang (61.4%) berbanding perempuan seramai 1,306 orang (38.6%).


Paparan 111: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 1,983 orang atau 58.6 peratus daripada pegangan pertanian individu di Rembau adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun 889 orang (26.3%), 31 hingga 45 tahun 442 orang (13.1%) dan 15 hingga 30 tahun 68 orang (2.0%).


Paparan 112: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu di Rembau adalah etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 3,073 orang (90.9%), diikuti oleh Cina 259 orang (7.7%), India 48 orang (1.4%) dan lain-lain 2 orang (0.1%).


Paparan 113: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.1.5 Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian didominasi oleh individu berstatus berkahwin iaitu seramai 2,441 orang atau 72.2 peratus. Balu/ duda merekodkan seramai 517 orang (15.3%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin, bercerai dan berpisah, masing-masing seramai 369 orang (10.9%) dan 55 orang (1.6%).


Paparan 114: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 1,863 orang atau (55.0%) pegangan pertanian individu di Rembau mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil 662 orang (19.6%) dan peringkat rendah 550 orang (16.3%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 307 orang (9.1%).


Paparan 115: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.2 Keluasan Bertanaman

Keluasan bertanam pada 2023 di Rembau merekodkan sebanyak 10.3 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertanam 4.8 ribu hektar dengan sumbanga 46.5 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 5.5 ribu hektar (53.5%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertanam ini adalah kelapa sawit 5.6 ribu hektar, getah 2.7 ribu hektar dan buah-buahan 1.2 ribu hektar.

Paparan 116: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai di Rembau merekodkan sebanyak 9.4 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertuai 4.3 ribu hektar dengan sumbangan 46.2 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 5.1 ribu hektar (53.8%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertuai ini adalah kelapa sawit dengan 5.2 ribu hektar, getah 2.4 ribu hektar dan buah-buahan 1.1 ribu hektar.


Paparan 117: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.4 Kuantiti Pengeluaran


Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Rembau mencatatkan 127.7 ribu tan metrik yang meliputi pertubuhan sebanyak 90.6 ribu tan metrik dan individu (37.1 ribu tan metrik). Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 109.4 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing menghasilkan 6.9 ribu dan 4.8 ribu tan metrik.

Paparan 118: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti pengeluaran bagi **aktiviti ternakan hidup** di Rembau adalah sebanyak 8,568.0 ribu ekor, dengan penternakan ayam/ itik mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi (4.9 juta ekor) atau 56.8 peratus. Bilangan pengeluaran lembu/kerbau pada tahun 2023 adalah 1.9 ribu ekor, manakala kambing/bebiri merekodkan 2.1 ribu ekor. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 189,059.4 ribu biji telur, 154.0 ribu liter susu segar dan 0.5 ribu kilogram.

Paparan 119: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




Aktiviti perikanan tangkapan di Rembau merekodkan kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama sebanyak 13.3 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM0.33 juta.

Paparan 120: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Rembau merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 0.8 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Manakala, bagi baka & benih, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 25.2 ribu ekor.


Paparan 121: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.5 Kuantiti dan Nilai Jualan


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman di Rembau pada 2023 mencatatkan 126.1 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 109.4 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 5.5 ribu dan 4.6 ribu tan metrik. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM236.79 juta.

Paparan 122: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti jualan ternakan hidup di Rembau merekodkan 7,622.1 ribu ekor. Pertubuhan menyumbang sebanyak 7,219.5 ribu ekor haiwan hidup manakala individu merekodkan 402.6 ribu ekor. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 178,998.7 ribu biji telur, 152.4 ribu liter susu dan 0.5 ribu kilogram. Nilai jualan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM151.76 juta.

Paparan 123: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




Aktiviti perikanan tangkapan di Rembau didominasi sepenuhnya oleh aktiviti perikanan tangkapan darat dengan kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama sebanyak 13.3 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM0.33 juta.

Paparan 124: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Rembau merekodkan kuantiti jualan sebanyak 0.8 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Manakala, bagi baka & benih, kuantiti jualan yang dicatatkan adalah sebanyak 23.9 ribu ekor. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM5.68 juta.

Paparan 125: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor Perhutanan & Pembalakan) di Rembau merekodkan RM394.57 juta, di mana 61.4 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM242.07 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 38.6 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Rembau iaitu RM152.49 juta.

4.4.6 Pendapatan


Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 di Rembau adalah RM423.05 juta. Daripada jumlah ini, RM165.00 juta (39.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM258.05 juta (61.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pendapatan subsektor tanaman merekodkan RM263.54 juta. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM146.74 juta (55.7%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM116.80 juta (44.3%).

Paparan 126: Pendapatan Subsektor Tanaman, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan daripada aktiviti ternakan di Rembau pada 2023 berjumlah RM153.38 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan RM138.41 juta (90.2%) berbanding pegangan pertanian individu iaitu RM14.97 juta (9.8%).

Paparan 127: Pendapatan Subsektor Ternakan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Rembau didominasi oleh individu sebanyak RM0.34 juta.

Paparan 128: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan pendapatan RM5.72 juta. Pendapatan bagi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau adalah RM5.71 juta. Sementara itu, pendapatan bagi baka & benih berjumlah RM3.97 ribu.


Paparan 129: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.7 Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian di Rembau pada tahun 2023 adalah RM167.22 juta. Daripada jumlah ini, RM48.78 juta (29.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM118.43 juta (70.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM80.49 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM44.61 juta (55.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM35.87 juta (44.6%).

Paparan 130: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah RM84.74 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 95.6 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 4.4 peratus oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 131: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




Rekod perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan di Rembau bagi tahun 2023 menunjukkan jumlah perbelanjaan keseluruhan RM0.19 juta yang didominasi sepenuhnya oleh pegangan individu.

Paparan 132: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



Secara keseluruhan, subsektor akuakultur di Rembau mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM1.79 juta, merangkumi aktiviti akuakultur, air tawar dan air payau. Manakala baka & benih merekodkan RM5.97 ribu. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut pegangan individu menyumbang RM0.25 juta (13.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM1.54 juta (86.1%).

Paparan 133: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



4.4.8 Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor pertanian pada tahun 2023 di Rembau adalah seramai 4,154 orang. Daripada jumlah tersebut, 2,980 orang (71.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 1,174 orang (28.3%) merupakan pertanian pertubuhan.

Sejumlah 1,785 orang pemilik & rakan niaga yang aktif direkodkan dengan pegangan pertanian individu menyumbang 1,610 orang (90.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 175 orang (9.8%). Pekerja keluarga tanpa gaji pula merekodkan 218 orang, dengan 207 orang (95.0%) adalah pegangan pertanian individu dan 11 orang (5.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pekerja bergaji merekodkan seramai 2,151 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,163 orang (54.1%) pegangan pertanian individu yang direkodkan, manakala seramai 988 orang (45.9%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 134: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah, Rembau, Negeri Sembilan, 2023

	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
Jumlah Guna Tenaga	**4,154**	**2,980**	**1,174**
Pemilik & Rakan Niaga yang Aktif	**1,785**	**1,610**	**175**
Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	**218**	**207**	**11**
Pekerja Bergaji	**2,151**	**1,163**	**988**

4.4.9 Gaji & Upah

Secara keseluruhan, purata gaji dan upah tahunan di Rembau merekodkan sebanyak RM18,540. Bagi Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM17,638, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM19,602.

Paparan 135: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023




4.5 DAERAH PENTADBIRAN SEREMBAN


4.5.1 Profil Pegangan Pertanian

Keluasan Seremban adalah 95,363.79 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 43,304.25 hektar (45.4%). Penduduk di Seremban adalah 705.5 ribu orang dengan kepadatan penduduk 740 orang per kilometer persegi. Seremban merekodkan bilangan isi rumah 207.3 ribu orang dan purata saiz isi rumah adalah 3.4 orang. Bilangan pegangan pertanian di Seremban adalah 5,622 orang. Daripada jumlah ini, 5,244 (93.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 378 (6.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor di Seremban adalah tanaman iaitu 5,233 dengan 4,974 (95.1%) pegangan pertanian individu dan 259 (4.9%) pegangan pertanian pertubuhan. Ini diikuti oleh subsektor ternakan sebanyak 252 pegangan pertanian dengan 174 (69.1%) pegangan pertanian individu dan 78 (30.9%) pegangan pertanian pertubuhan. Subsektor perikanan tangkapan merekodkan sebanyak 21 pegangan pertanian individu. Manakala, subsektor akuakultur mencatatkan 80 pegangan pertanian dengan 47 (58.8%) pegangan pertanian individu dan 33 (41.3%) pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 136: Bilangan Pegangan Pertanian, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



5,244
(93.3%)
(Individu)




378
(6.7%)
(Pertubuhan)

4.5.1.1 Kewarganegaraan

Majoriti pegangan pertanian individu di Seremban dipelopori oleh warganegara seramai 5,241 orang dengan sumbangan 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala 3 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 137: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



Warganegara

5,241
(99.9%)




Bukan Warganegara

3
(0.1%)

4.5.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian di Seremban pada 2023 merekodkan 5,244 orang dipelopori lelaki seramai 3,410 orang (65.0%) berbanding perempuan seramai 1,834 orang (35.0%).


Paparan 138: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



4.5.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 2,520 orang atau 48.1 peratus daripada pegangan pertanian individu di Seremban adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun 1,653 orang (31.5%), 31 hingga 45 tahun 923 orang (17.6%) dan 15 hingga 30 tahun 148 orang (2.8%).


Paparan 139: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



4.5.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu di Seremban adalah etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 4,163 orang (79.4%), diikuti oleh Cina 893 orang (17.0%), India 178 orang (3.4) dan lain-lain 7 orang (0.1%).


Paparan 140: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



4.5.1.5 Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian didominasi oleh individu berstatus berkahwin iaitu seramai 4,289 orang atau 81.8 peratus. Balu / duda merekodkan seramai 631 orang (12.0%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin, bercerai dan berpisah, masing-masing seramai 267 orang (5.1%) dan 56 orang (1.1%).

Paparan 141: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan ≠ 100% kerana tiada maklumat

4.5.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 2,473 orang atau (47.2%) pegangan pertanian individu di Seremban mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil 903 orang (17.2%) dan peringkat rendah 1,124 orang (21.4%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 743 orang (14.2%).

Paparan 142: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan ≠ 100% kerana tiada maklumat

4.5.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam pada 2023 di Seremban merekodkan sebanyak 22.4 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertanam 17.0 ribu hektar dengan sumbangan 75.7 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 5.4 ribu hektar (24.3%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertanam ini adalah kelapa sawit 16.6 ribu hektar, getah 3.2 ribu hektar dan buah-buahan 1.3 ribu hektar.

Paparan 143: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



4.5.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai di Seremban merekodkan sebanyak 20.0 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertuai 14.9 ribu hektar dengan sumbangan 74.3 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 5.1 ribu hektar (25.7%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertuai ini adalah kelapa sawit dengan 14.5 ribu hektar, getah 3.0 ribu hektar dan buah-buahan 1.3 ribu hektar.

Paparan 144: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




4.5.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Seremban mencatatkan 354.7 ribu tan metrik yang meliputi pertubuhan sebanyak 314.3 ribu tan metrik dan individu (39.3 ribu tan metrik). Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 321.3 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing menghasilkan 16.0 ribu dan 9.2 ribu tan metrik.




Paparan 145: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti pengeluaran bagi **aktiviti ternakan hidup** di Seremban adalah sebanyak 20,473.2 ribu ekor, dengan penternakan ayam/ itik mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi (20,428.0 juta ekor) atau 99.8 peratus. Bilangan pengeluaran lembu/kerbau pada tahun 2023 adalah 2.3 ribu ekor, manakala kambing/ bebiri mencatatkan 3.1 ribu ekor. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 712,413.3 ribu biji telur, 1,197.5 ribu liter susu segar dan 2.8 ribu kilogram.

Paparan 146: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Aktiviti perikanan tangkapan di Seremban didominasi sepenuhnya oleh aktiviti tangkapan dengan kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 11.0 tan metrik.

Paparan 147: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Seremban merekodkan kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama sebanyak 4.0 ribu tan metrik meliputi air tawar. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 1,555.8 ribu ekor.


Paparan 148: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



4.5.5 Kuantiti dan Nilai Jualan


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman di Seremban pada 2023 mencatatkan 347.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 321.3 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 9.3 ribu dan 8.8 ribu tan metrik. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM483.46 juta.

Paparan 149: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti jualan ternakan hidup di Seremban merekodkan 20,315.8 ribu ekor. Pertubuhan menyumbang sebanyak 18,865.4 ribu ekor haiwan hidup manakala individu merekodkan 1,450.4 ribu ekor. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 629,871.8 ribu biji telur, 1,195.1 ribu liter susu dan 2.7 ribu kilogram. Nilai jualan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM449.26 juta.

Paparan 150: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Aktiviti perikanan tangkapan di Seremban merekodkan kuantiti sebanyak 11.0 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM0.33 juta.

Paparan 151: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Seremban merekodkan kuantiti jualan sebanyak 3.7 ribu tan metrik meliputi air tawar. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti jualan yang dicatatkan adalah sebanyak 1,509.0 ribu ekor. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM43.79 juta.

Paparan 152: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor Perhutanan & Pembalakan) di Seremban merekodkan RM976.84 juta, di mana 85.1 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM831.70 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 14.9 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Seremban iaitu RM145.15 juta.



4.5.6 Pendapatan


Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 di Seremban adalah RM1,056.81 juta. Daripada jumlah ini, RM154.36 juta (14.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM902.45 juta (85.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pendapatan subsektor tanaman merekodkan RM535.13 juta. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM114.74 juta (21.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM420.39 juta (78.6%).

Paparan 153: Pendapatan Subsektor Tanaman, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan daripada aktiviti ternakan di Seremban pada 2023 berjumlah RM461.49 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan RM434.79 juta (94.2%) berbanding pegangan pertanian individu iaitu RM26.70 juta (5.8%).

Paparan 154: Pendapatan Subsektor Ternakan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Seremban didominasi oleh individu sebanyak RM0.34 juta.

Paparan 155: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan pendapatan RM43.85 juta. Pendapatan bagi aktiviti akuakultur air tawar adalah RM41.85 juta. Sementara itu, pendapatan bagi baka & benih dan ikan hiasan berjumlah RM2.00 juta.


Paparan 156: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



4.5.7 Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian di Seremban pada tahun 2023 adalah RM507.85 juta. Daripada jumlah ini, RM44.79 juta (8.8%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM463.06 juta (91.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM165.64 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM37.02 juta (22.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM128.62 juta (77.6%).

Paparan 157: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah RM314.97 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 98.2 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 1.8 peratus oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 158: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




Rekod perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan Negeri Sembilan bagi tahun 2023 menunjukkan jumlah perbelanjaan keseluruhan RM0.18 juta yang didominasi sepenuhnya oleh pegangan individu.

Paparan 159: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



Secara keseluruhan, subsektor akuakultur di Seremban mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM19.61 juta, merangkumi aktiviti akuakultur air tawar, Baka & Benih dan ikan hiasan. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut pegangan pertanian individu menyumbang RM1.70 juta (8.7%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM17.91 juta (91.3%).

Paparan 160: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



4.5.8 Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor pertanian pada tahun 2023 di Seremban adalah seramai 5,536 orang. Daripada jumlah tersebut, 2,622 orang (47.4%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 2,914 orang (52.6%) merupakan pertanian pertubuhan.

Sejumlah 2,205 orang pemilik & rakan niaga yang aktif direkodkan dengan pegangan pertanian individu menyumbang 1,751 orang (79.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 454 orang (20.6%). Pekerja keluarga tanpa gaji pula merekodkan 162 orang, dengan 138 orang (85.2%) adalah pegangan pertanian individu dan 24 orang (14.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pekerja bergaji merekodkan seramai 3,169 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 733 orang (23.1%) pegangan pertanian individu direkodkan, manakala seramai 2,436 orang (76.9%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 161: Bilangan Guna Tenaga Dan Purata Gaji & Upah, Seremban, Negeri Sembilan, 2023

	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
Jumlah Guna Tenaga	**5,536**	**2,622**	**2,914**
Pemilik & Rakan Niaga yang Aktif	**2,205**	**1,751**	**454**
Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	**162**	**138**	**24**
Pekerja Bergaji	**3,169**	**733**	**2,436**

4.5.9 Gaji & Upah

Secara keseluruhan, purata gaji dan upah tahunan di Seremban merekodkan sebanyak RM23,436. Bagi Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM21,762, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM23,940.

Paparan 162: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023





4.6 DAERAH PENTADBIRAN TAMPIN

4.6.1 Profil Pegangan Pertanian

Keluasan Tampin adalah 85,083.96 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 61,040.71 hektar (71.7%). Penduduk di Tampin adalah 89.8 ribu orang dengan kepadatan penduduk 106 orang per kilometer persegi. Tampin merekodkan bilangan isi rumah 22.8 ribu orang dan purata saiz isi rumah adalah 3.9 orang. Bilangan pegangan pertanian di Tampin adalah 7,258 orang. Daripada jumlah ini, 7,090 (97.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 168 (2.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor di Tampin adalah tanaman iaitu 7,079 dengan 6,949 (98.2%) pegangan pertanian individu dan 130 (1.8%) pegangan pertanian pertubuhan. Ini diikuti oleh subsektor ternakan sebanyak 141 pegangan pertanian dengan 108 (76.6%) pegangan pertanian individu dan 33 (23.4%) pegangan pertanian pertubuhan. Subsektor perikanan tangkapan merekodkan sebanyak 13 pegangan pertanian individu. Manakala, subsektor akuakultur mencatatkan 55 pegangan pertanian dengan 52 (94.5%) pegangan pertanian individu dan tiga (3) (5.5%) pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 163: Bilangan Pegangan Pertanian, Tampin, Negeri Sembilan, 2023






4.6.1.1 Kewarganegaraan

Majoriti pegangan pertanian individu di Tampin dipelopori oleh warganegara seramai 7,089 orang dengan sumbangan 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala 1 orang (0.01%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 164: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



Warganegara

7,089
(99.9%)




Bukan Warganegara

1
(0.01%)

4.6.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian di Tampin pada 2023 merekodkan 7,090 orang dipelopori lelaki seramai 4,842 orang (68.3%) berbanding perempuan seramai 2,248 orang (31.7%).


Paparan 165: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Tampin Negeri Sembilan, 2023



4.6.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 4,483 orang atau 63.2 peratus daripada pegangan pertanian individu di Tampin adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun 1,608 orang (22.7%), 31 hingga 45 tahun 895 orang (12.6%) dan 15 hingga 30 tahun 104 orang (1.5%).

Paparan 166: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



4.6.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu di Tampin adalah etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 6,260 orang (88.3%), diikuti oleh Cina 648 orang (9.1%), India 177 orang (2.5%) dan lain-lain 4 orang (0.1%).

Paparan 167: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




Bumiputera	Cina	India	Lain-Lain
6,260 (88.3%)	648 (9.1%)	177 (2.5%)	4 (0.1%)

4.6.1.5 Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian didominasi oleh individu berstatus berkahwin iaitu seramai 4,843 orang atau 68.3 peratus. Balu / duda merekodkan seramai 1,862 orang (26.3%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin, bercerai dan berpisah, masing-masing seramai 339 orang (4.8%) dan 46 orang (0.6%).


Paparan 168: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



4.6.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 2,601 orang atau (36.7%) pegangan pertanian individu di Tampin mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil 2,478 orang (35.0%) dan peringkat rendah 1,729 orang (24.4%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 282 orang (3.9%).


Paparan 169: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



4.6.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam pada 2023 di Tampin merekodkan sebanyak 47.1 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertanam 28.4 ribu hektar dengan sumbangan 60.2 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 18.8 ribu hektar (39.8%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertanam ini adalah kelapa sawit 33.5 ribu hektar, getah 12.0 ribu hektar dan buah-buahan 0.5 ribu hektar.


Paparan 169: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



4.6.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai di Tampin merekodkan sebanyak 43.1 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertuai 25.4 ribu hektar dengan sumbangan 59.0 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 17.7 ribu hektar (41.0%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertuai ini adalah kelapa sawit dengan 30.3 ribu hektar, getah 11.4 ribu hektar dan buah-buahan 0.5 ribu hektar.


Paparan 170: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



4.6.4 Kuantiti Pengeluaran


Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Tampin mencatatkan 677.7 ribu tan metrik yang meliputi pertubuhan sebanyak 522.4 ribu tan metrik dan individu (155.2 ribu tan metrik). Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 651.0 ribu tan metrik. Ini diikuti getah dan buah-buahan, masing-masing menghasilkan 8.7 ribu dan 8.3 ribu tan metrik.

Paparan 171: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti pengeluaran bagi **aktiviti ternakan hidup** di Tampin adalah sebanyak 314,531.2 ribu ekor, dengan penternakan ayam/ itik mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi (210,234.6 ribu ekor) atau 66.8 peratus. Bilangan pengeluaran lembu pada tahun 2023 adalah 1.5 ribu ekor dan kambing/ bebiri 0.6 ribu ekor. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 74,045.5 ribu biji telur, 91.9 ribu liter susu segar dan 2.2 ribu kilogram.

Paparan 172: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




Aktiviti perikanan tangkapan di Tampin merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 2.9 tan metrik yang disumbangkan oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 173: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Tampin merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 0.7 ribu tan metrik meliputi air tawar. Manakala, bagi ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 7.9 ribu ekor.


Paparan 174: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



4.6.5 Kuantiti dan Nilai Jualan


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman di Tampin pada 2023 mencatatkan 674.0 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 651.0 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh getah dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 8.7 ribu dan 5.1 ribu tan metrik. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM766.78 juta.

Paparan 175: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti jualan ternakan hidup di Tampin merekodkan 273,643.4 ribu ekor. Pertubuhan menyumbang sebanyak 273,449.5 ribu ekor haiwan hidup manakala individu merekodkan 193.9 ribu ekor. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 73,864.1 ribu biji telur, 90.2 ribu liter susu dan 2.2 ribu kilogram. Nilai jualan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM2,789.16 juta.

Paparan 176: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




Aktiviti perikanan tangkapan di Tampin merekodkan kuantiti jualan sebanyak 2.9 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM0.14 juta.

Paparan 177: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Tampin merekodkan kuantiti jualan sebanyak 0.6 ribu tan metrik meliputi air tawar. Manakala, bagi ikan hiasan, kuantiti jualan yang dicatatkan adalah sebanyak 7.9 ribu ekor. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM5.87 juta.

Paparan 178: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor Perhutanan & Pembalakan) di Tampin merekodkan RM3,561.95 juta, di mana 93.9 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM3,346.43 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 6.1 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Tampin iaitu RM215.52 juta.

4.6.6 Pendapatan


Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 di Tampin adalah RM4,165.94 juta. Daripada jumlah ini, RM251.18 juta (6.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM3,914.77 juta (94.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pendapatan subsektor tanaman merekodkan RM856.88 juta. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM241.48 juta (28.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM615.40 juta (71.8%).

Paparan 179: Pendapatan Subsektor Tanaman, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan daripada aktiviti ternakan di Tampin pada 2023 berjumlah RM3,299.22 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan RM3,293.55 juta (99.8%) berbanding pegangan pertanian individu iaitu RM5.68 juta (0.2%).

Paparan 180: Pendapatan Subsektor Ternakan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Tampin didominasi oleh individu sebanyak RM0.14 juta.

Paparan 181: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan pendapatan RM5.88 juta. Pendapatan bagi aktiviti akuakultur air tawar adalah RM5.70 juta dan ikan hiasan berjumlah RM0.17 juta.


Paparan 182: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



4.6.7 Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian di Tampin pada tahun 2023 adalah RM646.03 juta. Daripada jumlah ini, RM85.10 juta (13.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM560.93 juta (86.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM261.80 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM81.13 juta (31.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM180.67 juta (69.0%).

Paparan 183: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah RM380.99 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 99.2 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 0.8 peratus oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 184: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Tampin, Malaysia, 2023




Rekod perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan Negeri Sembilan bagi tahun 2023 menunjukkan jumlah perbelanjaan keseluruhan RM0.07 juta yang didominasi sepenuhnya oleh pegangan individu.

Paparan 185: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



Secara keseluruhan, subsektor akuakultur di Tampin mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM1.98 juta, merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan ikan hiasan. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut pegangan pertanian individu menyumbang RM0.82 juta (41.5%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM1.16 juta (58.5%).

Paparan 186: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



4.6.8 Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor pertanian pada tahun 2023 di Tampin adalah seramai 8,858 orang. Daripada jumlah tersebut, 5,484 orang (61.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 3,374 orang (38.1%) merupakan pertanian pertubuhan.

Sejumlah 3,273 orang pemilik & rakan niaga yang aktif direkodkan dengan pegangan pertanian individu menyumbang 3,051 orang (93.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 222 orang (6.8%). Pekerja keluarga tanpa gaji pula merekodkan 201 orang, dengan 182 orang (90.5%) adalah pegangan pertanian individu dan 19 orang (9.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pekerja bergaji merekodkan seramai 5,384 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 2,251 orang (41.8%) pegangan pertanian individu yang direkodkan, manakala seramai 3,133 orang (58.2%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Secara keseluruhan, purata gaji dan upah tahunan bagi tahun 2023 di Tampin dicatatkan sebanyak RM19,956 setahun terdiri daripada pegangan individu sebanyak RM18,847 dan pertubuhan RM20,752.


Paparan 187: Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah, Tampin, Negeri Sembilan, 2023

	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
Jumlah Guna Tenaga	**8,858**	**5,484**	**3,374**
Pemilik & Rakan Niaga yang Aktif	**3,273**	**3,051**	**222**
Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	**201**	**182**	**19**
Pekerja Bergaji	**5,384**	**2,251**	**3,133**

4.6.9 Gaji & Upah

Secara keseluruhan, purata gaji dan upah tahunan di Tampin merekodkan sebanyak RM19,956. Bagi Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM18,847, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM20,752.

Paparan 188: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




4.7 DAERAH PENTADBIRAN JEMPOL


4.7.1 Profil Pegangan Pertanian

Keluasan Jempol adalah 148,458.48 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 125,276.50 hektar (84.4%). Penduduk di Jempol adalah 129.5 ribu orang dengan kepadatan penduduk 87 orang per kilometer persegi. Jempol merekodkan bilangan isi rumah 33.9 ribu orang dan purata saiz isi rumah adalah 3.8 orang. Bilangan pegangan pertanian di Jempol adalah 11,942 orang. Daripada jumlah ini, 11,642 (97.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 300 (2.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor di Jempol adalah tanaman iaitu 11,743 dengan 11,537 (98.2%) pegangan pertanian individu dan 206 (1.8%) pegangan pertanian pertubuhan. Ini diikuti oleh subsektor ternakan sebanyak 137 pegangan pertanian dengan 98 (71.5%) pegangan pertanian individu dan 39 (28.5%) pegangan pertanian pertubuhan. Manakala, subsektor akuakultur mencatatkan 80 pegangan pertanian dengan24 (30.0%) pegangan pertanian individu dan 56 (70.0%) pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 189: Bilangan Pegangan Pertanian, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



11,642
(97.5%)
(Individu)




300
(2.5%)
(Pertubuhan)

4.7.1.1 Kewarganegaraan

Majoriti pegangan pertanian individu di Jempol dipelopori oleh warganegara seramai 11,639 orang dengan sumbangan 100.0 peratus merupakan warganegara, manakala 3 orang (0.03%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 190: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



Warganegara

11,639
(100.0%)




Bukan Warganegara

3
(0.03%)

4.7.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian di Jempol pada 2023 merekodkan 11,642 orang dipelopori lelaki seramai 8,034 orang (69.0%) berbanding perempuan seramai 3,608 orang (31.0%).


Paparan 191: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



4.7.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 8,334 orang atau 71.6 peratus daripada pegangan pertanian individu di Jempol adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun 1,877 orang (16.1%), 31 hingga 45 tahun 1,146 orang (9.8%) dan 15 hingga 30 tahun 285 orang (2.4%).


Paparan 192: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



4.7.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu di Jempol adalah etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 9,695 orang (83.3%), diikuti oleh Cina 1,368 orang (11.8%), India 570 orang (4.9%) dan lain-lain 6 orang (0.1%).


Paparan 193: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



4.7.1.5 Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian didominasi oleh individu berstatus berkahwin iaitu seramai 8,416 orang atau 72.3 peratus. Balu / duda merekodkan seramai 2,348 orang (20.2%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin, bercerai dan berpisah, masing-masing seramai 766 orang (6.6%) dan 112 orang (1.0%).


Paparan 194: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



4.7.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 3,100 orang atau (26.6%) pegangan pertanian individu di Jempol mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil 4,698 orang (40.4%) dan peringkat rendah 3,541 orang (30.4%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 303 orang (2.6%).


Paparan 195: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



4.7.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam pada 2023 di Jempol merekodkan sebanyak 107.4 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertanam 72.3 ribu hektar dengan sumbangan 67.3 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 35.1 ribu hektar (32.7%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertanam ini adalah kelapa sawit 83.2 ribu hektar, getah 22.6 ribu hektar dan tanaman lain 0.6 ribu hektar.

Paparan 196: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Jempol, Negeri Sembilan, 2023




4.7.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai di Jempol merekodkan sebanyak 98.9 ribu hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertuai 65.1 ribu hektar dengan sumbangan 65.8 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 33.8 ribu hektar (34.2%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertuai ini adalah kelapa sawit dengan 75.8 ribu hektar, getah 21.5 ribu hektar dan tanaman lain 0.6 ribu hektar.






Paparan 197: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



4.7.4 Kuantiti Pengeluaran


Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Jempol mencatatkan 1,678.9 ribu tan metrik yang meliputi pertubuhan sebanyak 1,401.1 ribu tan metrik dan individu (277.8 ribu tan metrik). Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 1,644.7 ribu tan metrik. Ini diikuti getah dan buah-buahan masing-masing menghasilkan 16.6 ribu dan 7.2 ribu tan metrik.

Paparan 198: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Jempol, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti pengeluaran bagi **aktiviti ternakan hidup** di Jempol adalah sebanyak 15.8 juta ekor, dengan penternakan ayam/ itik mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi (15.8 juta ekor) atau 99.96 peratus. Bilangan pengeluaran lembu pada tahun 2023 adalah 2.8 ribu ekor dan kambing/ bebiri mencatatkan 1.4 ribu ekor. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 224,858.4 ribu biji telur, 1.4 ribu liter susu segar dan 1.0 ribu kilogram.

Paparan 199: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Jempol merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 0.3 ribu tan metrik meliputi air payau. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi ikan hiasan adalah 5.0 ribu ekor.


Paparan 200: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



4.7.5 Kuantiti dan Nilai Jualan


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman di Jempol pada 2023 mencatatkan 1,677.3 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 1,644.7 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh getah dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 16.6 ribu dan 5.9 ribu tan metrik. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM1,736.42 juta.

Paparan 201: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Jempol, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti jualan ternakan hidup di Jempol merekodkan 15,792.2 ribu ekor. Pertubuhan menyumbang sebanyak 15,735.3 ribu ekor haiwan hidup manakala individu merekodkan 56.9 ribu ekor. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 110,282.8 ribu biji telur, 1.4 ribu liter susu dan 1.0 ribu kilogram. Nilai jualan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM313.33 juta.

Paparan 202: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur di Jempol merekodkan kuantiti jualan sebanyak 0.3 ribu tan metrik meliputi air tawar. Manakala, bagi ikan hiasan, kuantiti jualan yang dicatatkan adalah sebanyak 0.2 ribu ekor. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3.33 juta.

Paparan 203: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Jempol, Negeri Sembilan, 2023




Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor Perhutanan & Pembalakan) di Jempol merekodkan RM2,053.09 juta, di mana 82.2 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM1,688.44 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 17.8 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Jempol iaitu RM364.65 juta.

4.7.6 Pendapatan

Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 di Jempol adalah RM2,252.03 juta. Daripada jumlah ini, RM429.28 juta (19.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM1,822.75 juta (80.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Bagi pendapatan, subsektor tanaman merekodkan RM 1,922.98 juta. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM423.20 juta (22.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM1,499.78 juta (78.0%).

Paparan 204: Pendapatan Subsektor Tanaman, Jempol, Negeri Sembilan, 2023




Pendapatan daripada aktiviti ternakan di Jempol pada 2023 berjumlah RM317.32 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan RM312.79 juta (98.6%) berbanding pegangan pertanian individu iaitu RM4.54 juta (1.4%).

Paparan 205: Pendapatan Subsektor Ternakan, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan pendapatan RM3.37 juta. Pendapatan bagi aktiviti akuakultur air tawar adalah RM3.37 juta. Sementara itu, pendapatan bagi ikan hiasan berjumlah RM1.85 ribu.


Paparan 206: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



4.7.7 Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian di Jempol pada tahun 2023 adalah RM807.48 juta. Daripada jumlah ini, RM148.30 juta (18.4%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM659.17 juta (81.6%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM588.18 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM145.89 juta (24.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM442.29 juta (75.2%).

Paparan 207: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Jempol, Negeri Sembilan, 2023




Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah RM213.36 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 99.2 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 0.8 peratus oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 208: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



Secara keseluruhan, subsektor akuakultur di Jempol mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM1.73 juta, merangkumi aktiviti akuakultur air payau dan air tawar dan ikan hiasan. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut pegangan pertanian individu menyumbang RM0.65 juta (37.5%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM1.08 juta (62.5%).

Paparan 209: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



4.7.8 Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor pertanian pada tahun 2023 di Jempol adalah seramai 16,673 orang. Daripada jumlah tersebut, 8,858 orang (53.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 7,815 orang (46.9%) merupakan pertanian pertubuhan.

Sejumlah 4,915 orang pemilik & rakan niaga yang aktif direkodkan dengan pegangan pertanian individu menyumbang 4,566 orang (92.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 349 orang (7.1%). Pekerja keluarga tanpa gaji pula merekodkan 339 orang, dengan 301 orang (88.8%) adalah pegangan pertanian individu dan 38 orang (11.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pekerja bergaji merekodkan seramai 11,419 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,991 orang (35.0%) pegangan pertanian individu yang direkodkan, manakala seramai 7,428 orang (65.0%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 204: Bilangan Guna Tenaga Dan Purata Gaji & Upah, Jempol, Negeri Sembilan, 2023

	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Jumlah Guna Tenaga	16,673	8,858	7,815
Pemilik & Rakan Niaga yang Aktif	4,915	4,566	349
Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	339	301	38
Pekerja Bergaji	11,419	3,991	7,428

4.7.9 Gaji & Upah

Secara keseluruhan, purata gaji dan upah tahunan di Jempol merekodkan sebanyak RM18,779. Bagi Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM19,958, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM18,146.

Paparan 205: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023





RENCANA

153 Landskap Pertanian Negeri Sembilan Pasca Banci Pertanian 2024: Prestasi Semasa, Isu Struktur dan Arah Intervensi

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

Landskap Pertanian Negeri Sembilan Pasca Banci Pertanian 2024: Prestasi Semasa, Isu Struktur dan Arah Intervensi

Lee Si Tau, Mohd Sawal bin Shakimon, Muhammad Ammar Affandi bin Rosdi, Muhammad Adli Hakim bin Moktar

PENDAHULUAN

Sektor pertanian kini berada dalam fasa perubahan yang semakin ketara. Struktur tenaga kerja yang menua, keperluan meningkatkan produktiviti, serta tekanan pasaran yang menuntut pengeluaran lebih cekap dan berdaya tahan menjadikan agenda pemodenan bukan lagi bersifat pilihan, tetapi keperluan. Dalam konteks ini, Banci Pertanian 2024 menyediakan gambaran paling menyeluruh tentang realiti sektor di peringkat negeri dan daerah bagi pola taburan aktiviti pertanian mengikut daerah, subsektor mana yang menjadi pemacu, dan kelompok pengusaha mana yang memerlukan sokongan paling kritikal. Berpandukan dapatan dari banci yang dilaksanakan, artikel ini menghuraikan struktur dan prestasi pertanian Negeri Sembilan mengikut subsektor dan daerah, serta merumuskan isu utama dan keutamaan intervensi bagi memperkukuh kemampanan dan daya saing sektor pertanian di negeri ini.

Dari sudut prestasi, sektor pertanian Negeri Sembilan masih mempunyai asas pengeluaran yang kukuh. Negeri ini merekodkan 45,355 pegangan pertanian dengan nilai jualan sekitar RM9.74 bilion, dan sumbangan tersebut dipacu terutamanya oleh subsektor tanaman dan ternakan. Subsektor tanaman merupakan subsektor terbesar dari segi bilangan pegangan pertanian, dengan 43,093 pegangan dan nilai jualan RM4,804.56 juta**.** Subsektor ternakan pula mencatat 1,437 pegangan pertanian, namun nilai jualannya hampir setara iaitu RM4,776.18 juta. Gambaran ini penting kerana ia menunjukkan dua corak aktiviti pertanian yang berbeza, iaitu subsektor tanaman memberi gambaran asas pengusaha yang lebih ramai, manakala subsektor ternakan, walaupun lebih kecil dari segi bilangan pengusaha, namun menjana nilai ekonomi yang tinggi.

Jadual 1: Jumlah Pegangan dan Nilai Jualan (RM Juta) Mengikut Subsektor Di Negeri Sembilan, 2024


Subsektor	Tanaman		Ternakan		Perikanan		Akuakultur		Perhutanan & Pembalakan	
Daerah	Pegangan	Nilai Jualan (RM Juta)	Pegangan	Nilai Jualan (RM Juta)	Pegangan	Nilai Jualan (RM Juta)	Pegangan	Nilai Jualan (RM Juta)	Pegangan	Nilai Jualan (RM Juta)
Jelebu	7,570	611.40	264	249.82	56	0.11	48	13.23	15	0.08
Kuala Pilah	5,439	368.03	250	746.12	-	-	86	6.32	13	0.15
Port Dickson	2,843	601.68	146	76.73	462	9.22	64	42.70	1	-
Rembau	3,186	236.79	247	151.76	89	0.33	52	5.68	6	0.07
Seremban	5,233	483.46	252	449.26	101	0.33	80	43.79	68	14.47
Tampin	7,079	766.78	141	2,789.16	68	0.14	55	5.87	3	3.09
Jempol	11,743	1,736.42	137	313.33	-	-	80	3.33	4	6.98
Negeri Sembilan	**43,093**	**4,804.56**	**1,437**	**4,776.18**	**776**	**10.13**	**465**	**120.92**	**110**	**24.84**

TABURAN DAERAH TERPILIH DAN IMPLIKASI PEMBANGUNAN

Dapatan mengikut daerah menunjukkan bahawa bilangan pegangan pertanian tidak semestinya seiring dengan nilai jualan. Jempol merekodkan bilangan pegangan tertinggi bagi aktiviti tanaman, iaitu 11,743 pegangan pertanian dalam subsektor tanaman, dengan nilai jualan RM1,736.42 juta. Tampin merekodkan nilai jualan keseluruhan pertanian yang tertinggi, didorong terutamanya oleh subsektor ternakan yang mencatatkan RM2,789.16 juta daripada 141 pegangan pertanian. Dapatan ini menggambarkan wujud perbezaan ketara antara daerah. Terdapat daerah yang berasaskan penyertaan pengusaha yang ramai tetapi nilai jualannya sederhana, dan ada daerah yang berasaskan aktiviti pertanian berskala terhad tetapi menghasilkan nilai ekonomi yang tinggi melalui aktiviti yang intensif dan komersial.

Perbezaan ini memberi implikasi langsung kepada pendekatan pembangunan. Daerah seperti Jempol memerlukan tumpuan kepada peningkatan produktiviti, pengumpulan hasil dan nilai tambah supaya asas pegangan yang besar dapat diterjemahkan kepada pulangan ekonomi yang lebih tinggi. Seiring dengan keperluan pengeluaran ternakan bernilai tinggi yang menuntut pengurusan risiko yang lebih rapi, tumpuan intervensi di daerah Tampin wajar memberi penekanan kepada pengukuhan biosekuriti ladang melalui kawalan kemasukan ternakan, pekerja dan pelawat ke kawasan ladang, penyelenggaraan kebersihan persekitaran dan peralatan, kawalan pergerakan ternakan dan kenderaan, serta pematuhan kepada amalan operasi standard yang konsisten, sejajar dengan garis panduan biosekuriti ladang yang ditetapkan. Port Dickson pula mempunyai profil yang lebih jelas dalam perikanan dan akuakultur, maka intervensi perlu disesuaikan dengan keperluan kawasan pesisir termasuk pengendalian hasil, sistem penyimpanan sejuk beku dan akses pasaran.

Rajah 1: Implikasi Langsung Kepada Pendekatan Pembangunan Daerah Terpilih



ISU DAN CABARAN UTAMA

Cabaran demografi: jurang peralihan generasi pengusaha

Antara isu utama dalam sektor pertanian Negeri Sembilan ialah penuaan pengusaha pertanian. Struktur umur pegangan individu menunjukkan kumpulan 60 tahun ke atas merupakan kumpulan dominan dengan 26,226 pegangan pertanian (59.6%), manakala kumpulan 15-30 tahun hanya 1,122 pegangan pertanian (2.5%). Kumpulan 31-45 tahun mencatat 13.5%, dan kumpulan 46-59 tahun sebanyak 24.4%. Dapatan ini memperlihatkan jurang penggantian generasi yang signifikan dengan aktiviti pertanian masih didominasi oleh pengusaha di kumpulan 60 tahun ke atas. Jika pola ini berterusan, sektor pertanian berisiko menghadapi kekurangan penerus aktiviti pertanian serta penurunan kadar pengeluaran aktif, sekali gus menuntut langkah yang lebih tersusun bagi memperkukuh peralihan generasi dan penerapan amalan serta teknologi pertanian moden.

Jadual 2: Bilangan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Umur, Negeri Sembilan, 2024

Umur	Jumlah	Komposisi (%)
15 – 30 tahun	1,122	2.5
31 – 45 tahun	5,925	13.5
46 – 59 tahun	10,738	24.4
60 tahun ke atas	26,226	59.6
Jumlah	**44,011**	**100.0**

Cabaran skala: pegangan tinggi dan operasi berpecah mendorong kos pemodenan

Berdasarkan dapatan banci mengikut daerah, terdapat daerah yang mempunyai bilangan pegangan yang tinggi, khususnya dalam aktiviti tanaman seperti Jempol dan Jelebu menjadikannya salah satu isu yang wajar diberikan perhatian. Dalam konteks ini, sebahagian pengusaha dikenal pasti beroperasi pada skala kecil dan berpecah (terutama apabila bilangan pegangan tinggi tetapi nilai ekonomi per pegangan tidak semestinya setara). Keadaan ini mengakibatkan pelaburan jentera dan teknologi moden kurang ekonomik jika dilaksanakan secara individu. Sehubungan itu, pendekatan "skala efektif" melalui perkhidmatan mekanisasi secara sewaan/berkongsi, pusat pengumpulan hasil, dan penyelarasan operasi secara berkelompok adalah wajar dipertimbangkan sebagai mekanisme untuk mengurangkan kos unit dan meningkatkan produktiviti, selaras dengan amalan antarabangsa yang mencadangkan model *mechanization hire services* atau *custom hiring services* bagi meningkatkan akses mekanisasi kepada petani kecil (FAO & CIMMYT, 2018; World Bank & FAO, 2009).

Cabaran tenaga kerja: struktur guna tenaga dan kualiti pekerjaan

Dalam konteks guna tenaga, struktur tenaga kerja dan kualiti pekerjaan dalam sektor pertanian merupakan antara cabaran yang perlu diketengahkan. Berdasarkan laporan rasmi guna tenaga dan gaji & upah Banci Pertanian 2024, Negeri Sembilan merekodkan 53,196 guna tenaga pertanian, terdiri daripada 20,125 pemilik & rakan niaga aktif, 1,537 pekerja keluarga tanpa gaji, dan 31,534 pekerja bergaji. Ini bermakna 59.3% guna tenaga pertanian di negeri ini ialah pekerja bergaji, diikuti 37.8% pemilik & rakan niaga aktif dan 2.9% pekerja keluarga tanpa gaji (DOSM, 2025). Corak ini menunjukkan operasi pertanian di Negeri Sembilan semakin dipengaruhi oleh keadaan pasaran buruh. Oleh itu, isu yang perlu diberi perhatian adalah ketersediaan tenaga kerja dan kualiti pekerjaan termasuk kemahiran, produktiviti, kestabilan pekerjaan serta aras gaji dan upah kerana faktor-faktor ini mempengaruhi keupayaan sektor untuk mengekalkan pekerja, meningkatkan produktiviti dan mengawal kos pengeluaran.

Cabaran pendapatan: daya tarikan sektor kepada belia dan jurang antara daerah

Dari sudut pendapatan pula, daya tarikan sektor pertanian sebagai pilihan kerjaya masih berdepan cabaran yang signifikan**.** Purata gaji dan upah tahunan pegangan pertanian Negeri Sembilan ialah RM19,747, sedikit lebih rendah daripada purata Malaysia RM20,290 (DOSM, 2025). Pada peringkat daerah, perbezaannya lebih ketara. Kuala Pilah merekodkan purata tertinggi RM26,584, diikuti Seremban RM23,436. Sebaliknya, Port Dickson RM18,086, Jelebu RM18,292, Rembau RM18,540, dan Tampin RM19,956 mencatat purata yang lebih rendah atau hampir setara dengan purata negeri (DOSM, 2025). Secara keseluruhannya, dapatan ini jelas memperlihatkan bahawa peluang pendapatan dalam sektor pertanian tidak seragam mengikut daerah dan berkemungkinan dipengaruhi oleh perbezaan profil subsektor serta struktur pengeluaran setempat, yang boleh mempengaruhi daya tarikan sektor pertanian sebagai pilihan pekerjaan, terutamanya kepada golongan belia.

Jadual 3: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023

Daerah Pentadbiran	Pegangan Pertanian				
	Jumlah Guna Tenaga	Pemilik & Rakan Niaga Yang Aktif	Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	Pekerja Bergaji	Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)
Jelebu	6,996	3,117	164	3,715	18,292
Kuala Pilah	3,448	1,380	220	1,848	26,584
Port Dickson	7,531	3,450	233	3,848	18,086
Rembau	4,154	1,785	218	2,151	18,540
Seremban	5,536	2,205	162	3,169	23,436
Tampin	8,858	3,273	201	5,384	19,956
Jempol	16,673	4,915	339	11,419	18,779
Negeri Sembilan	**53,196**	**20,125**	**1537**	**31,534**	**19,747**

Sumber: Laporan Banci Pertanian 2024: Guna Tenaga dan Gaji & Upah

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat aktiviti pertanian.
2. Jumlah guna tenaga keseluruhan merujuk kepada bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah ini bukan merupakan hasil tambah bagi semua aktiviti pertanian, kerana seorang individu boleh terlibat dalam lebih daripada satu jenis aktiviti secara serentak.

ARAH INTERVENSI YANG LEBIH BERKESAN

Arah intervensi pertanian di Negeri Sembilan perlu beralih daripada pendekatan umum kepada pendekatan yang lebih bersasar mengikut profil daerah, subsektor dan skala pengeluaran. Pendekatan yang lebih efisien ialah model bersepadu yang menggabungkan teknologi, demonstrasi, latihan, pembiayaan dan pasaran dengan pelaksanaan yang dibezakan mengikut kekuatan dan cabaran setiap daerah.

Jempol dan Jelebu wajar diberi tumpuan sebagai daerah yang mempunyai asas pengusaha yang tinggi, khususnya dalam aktiviti tanaman. Dalam kedua-dua daerah ini, cabaran utama ialah ramai pengusaha beroperasi pada skala kecil dan bergerak secara berasingan. Intervensi yang lebih sesuai ialah perkongsian mekanisasi, pusat pengumpulan hasil, latihan pengurusan ladang dan kos, serta pendigitalan operasi ladang supaya pengusaha dapat merancang input, tuaian dan pemasaran dengan lebih teratur. Pendekatan sewaan atau berkongsi ini lazimnya dicadangkan untuk meningkatkan akses petani kecil kepada mekanisasi tanpa memerlukan pemilikan aset secara individu (FAO & CIMMYT, 2018). Matlamatnya ialah meningkatkan produktiviti dan nilai tambah agar bilangan pegangan yang besar dapat diterjemahkan kepada pulangan ekonomi yang lebih tinggi.

Tampin pula wajar diposisikan sebagai kluster ternakan bernilai tinggi. Untuk daerah seperti ini, fokus intervensi perlu memberi penekanan kepada pengukuhan daya saing dan kemampanan, automasi operasi, pengukuhan

biosekuriti serta pematuhan amalan penternakan yang baik. Keutamaan terhadap biosekuriti dan amalan penternakan baik adalah selari dengan garis panduan dan kerangka pensijilan veterinar (DVS, 2025; DVS, 2023). Penekanan ini penting bagi memastikan nilai ekonomi yang tinggi dapat dikekalkan dan diperkukuh dalam jangka panjang.

Port Dickson memerlukan pendekatan khusus kerana profil daerah ini dipengaruhi oleh aktiviti perikanan dan akuakultur. Intervensi wajar menumpukan pengukuhan rantaian nilai pesisir, termasuk kemudahan pengendalian hasil, rantaian sejuk beku, latihan pengurusan hasil dan pemadanan pasaran. Pendekatan ini membantu mengurangkan kerugian selepas tangkapan atau tuaian, meningkatkan kualiti hasil, dan memperkukuh nilai jualan subsektor yang menjadi kekuatan daerah.

Seremban dan Kuala Pilah pula sesuai diperkukuh sebagai daerah sokongan kepada rantaian nilai pertanian negeri. Selain fungsi pengeluaran, kedua-dua daerah ini berpotensi memainkan peranan lebih besar dalam pemprosesan, logistik, pengedaran, latihan keusahawanan agro dan pemasaran iaitu berfungsi sebagai hab sokongan yang menghubungkan daerah pengeluaran kepada pasaran yang lebih luas.

Rembau yang memperlihatkan taburan aktiviti merentas pelbagai subsektor sesuai diberi pendekatan pengukuhan asas melalui peningkatan produktiviti ladang, penyusunan pengeluaran berkelompok, latihan amalan ladang baik, pengurusan kos dan pemadanan kepada program mekanisasi bersama. Pendekatan ini memastikan semua daerah terus menerima manfaat agenda pemodenan walaupun profil ekonomi yang berbeza.

MENGAPA PENDEKATAN KEMAHIRAN DAN BELIA PERLU DIPERCEPAT

Pengalaman antarabangsa menunjukkan cabaran tenaga kerja dan kemahiran dalam pertanian bukan isu terpencil. China misalnya, telah merangka pelan khusus untuk meningkatkan kemahiran pekerja luar bandar melalui pendidikan vokasional dan latihan semula bagi memperbaiki prospek pekerjaan dan mobiliti buruh *(*Reuters, 2025*)*. Dari sudut perancangan dasar, perkara ini menunjukkan bahawa intervensi tenaga kerja pertanian perlu melangkaui bantuan jangka pendek sebaliknya menumpukan pembinaan laluan kemahiran yang lebih jelas untuk belia dan pekerja sedia ada.

United Kingdom (UK) pula menunjukkan bahawa kekurangan pekerja pertanian yang berpanjangan boleh menjejaskan kesinambungan pengeluaran dan menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan makanan *(*Partridge, J, 2025*)*. Ini memperkukuh hujah bahawa isu penuaan pengusaha dan penyertaan belia yang rendah di Negeri Sembilan wajar dilihat sebagai isu strategik yang berkait dengan daya tahan sistem rantaian bekalan makanan dan ekonomi, terutamananya di kawasan luar bandar.

Kerangka FAO pula menegaskan belia sebagai agen penting dalam transformasi sistem agromakanan, bukan sahaja untuk menggantikan tenaga kerja yang menua, tetapi juga untuk meningkatkan produktiviti dan membina daya tahan terhadap kejutan ekonomi dan iklim (FAO, 2025*)*. Namun, FAO turut mengingatkan bahawa belia berdepan halangan lazim seperti jurang kemahiran, akses sumber (tanah dan pembiayaan) serta kualiti peluang pekerjaan. Justeru, untuk meningkatkan penglibatan belia, pertanian perlu ditawarkan sebagai sektor yang menyediakan peluang pekerjaan dan keusahawanan yang lebih berkualiti, berkemahiran dan meyakinkan dari sudut pendapatan dan kemajuan.

PEMODENAN SEBAGAI EKOSISTEM

Dari aspek pemodenan, pengalaman dan literatur *smart agriculture* menunjukkan mekanisasi dan teknologi pintar paling berkesan apabila dilaksanakan sebagai ekosistem lengkap bukan sekadar perolehan peralatan. Antara halangan utama penerimaan teknologi yang sering berulang ialah kos pelaksanaan, kekurangan kemahiran teknikal dan kekangan infrastruktur (Ahmad et al., 2024). Pengalaman Jepun memperlihatkan bahawa pemodenan yang berkesan sering bermula dengan demonstrasi lapangan dan penyusunan dasar yang konsisten, termasuk penyesuaian kaedah pengeluaran supaya sejajar dengan teknologi yang diperkenalkan (MAFF, 2025). Berdasarkan isu halangan penerimaan teknologi yang dihuraikan oleh Ahmad et al. (2024) serta amalan pelaksanaan *smart agriculture* melalui demonstrasi dan sokongan ekosistem yang ditunjukkan dalam pengalaman Jepun (MAFF, 2025), satu kerangka praktikal boleh dirumuskan dalam bentuk komponen “teknologi + demonstrasi + latihan + pembiayaan + pasaran”. Sehubungan itu, pemodenan di Negeri Sembilan wajar dilaksanakan secara berperingkat, berasaskan penilaian di lapangan dan mengikut kesesuaian skala pengeluaran.

Rajah 2: Ekosistem Pemodenan



KESIMPULAN

Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sektor pertanian Negeri Sembilan masih mempunyai asas ekonomi yang signifikan, namun berdepan perubahan struktur yang memerlukan perhatian dan tindakan susulan yang lebih tersusun. Struktur umur pengusaha yang didominasi oleh golongan berusia, tahap penyertaan belia yang masih rendah, skala operasi yang kecil serta perbezaan pendapatan antara daerah menunjukkan bahawa kesinambungan sektor bergantung sepenuhnya kepada usaha memperkukuh peralihan generasi dengan meningkatkan produktiviti dan menambah baik daya tarikan pekerjaan dalam pertanian. Sekiranya penyesuaian dilaksanakan secara berperingkat dan konsisten, sektor pertanian berupaya mengelakkan pengurangan aktiviti pertanian serta mengurangkan tekanan terhadap tenaga kerja, di samping mengekang peningkatan kos yang boleh menjejaskan daya saing pengeluaran.

Sehubungan itu, tindakan susulan selepas banci perlu dipandu oleh keutamaan yang jelas dan berorientasikan hasil. Pengukuhan peralihan generasi perlu dilihat sebagai komponen teras dengan penekanan kepada pembentukan laluan kemasukan belia yang lebih praktikal dan berterusan melalui latihan, bimbingan operasi, akses pembiayaan serta pemadanan pasaran. Dalam masa yang sama, peningkatan produktiviti dan pendapatan perlu diberi tumpuan supaya sektor pertanian lebih kompetitif sebagai sumber pekerjaan dan keusahawanan, khususnya apabila struktur guna tenaga semakin menunjukkan kebergantungan kepada pekerja bergaji. Dapatan banci turut menunjukkan bahawa pendekatan pembangunan yang seragam kurang sesuai memandangkan profil daerah dan subsektor adalah berbeza. Oleh itu, intervensi yang lebih berkesan ialah intervensi yang disesuaikan mengikut kekuatan setempat termasuk perkongsian mekanisasi dan pengumpulan hasil secara berpusat di kawasan yang mempunyai pegangan pertanian kecil, pengukuhan operasi serta pengurusan risiko bagi kluster bernilai tinggi, dan pengukuhan rantaian nilai serta logistik bagi subsektor perikanan dan akuakultur. Pendekatan berasaskan profil daerah ini lebih berpotensi menghasilkan impak yang nyata kerana ia berpaksikan data banci dan memberi tumpuan kepada hasil yang boleh diukur, seperti peningkatan produktiviti, pendapatan dan kelangsungan sektor pertanian.

Secara keseluruhannya, dapatan Banci Pertanian 2024 bukan sekadar statistik yang diterbitkan, tetapi menjadi asas untuk menyusun tindakan yang lebih tepat. Dengan menyandarkan intervensi kepada bukti, menyusun keutamaan mengikut daerah dan subsektor serta memberi penekanan kepada produktiviti dan pendapatan, sektor pertanian Negeri Sembilan berupaya diperkukuh sebagai sektor yang lebih moden, berdaya saing dan lebih menarik sebagai pilihan kerjaya kepada generasi baharu.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

Ahmad, A. A., Nik Omar, N. R., & Engku Ariff, E. E. (2024). *The smart agriculture revolution transforming controlled environment farming in Malaysia*. FFTC Agricultural Policy Platform.

Food and Agriculture Organization of the United Nations. (2025, July 3). *The status of youth in agrifood systems: New FAO report shines light on pitfalls and prospects for 1.3 billion young people*.

Food and Agriculture Organization of the United Nations, & International Maize and Wheat Improvement Center. (2018). *Hire services as a business enterprise: A training manual for small-scale mechanization service providers*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Laporan Banci Pertanian 2024: Guna tenaga dan gaji & upah*.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. (2025). *Pengurusan biosekuriti ladang*.
Ministry of Agriculture, Forestry and Fisheries. (2025). *Promotion of smart agriculture*.

Partridge, J. (2025, August 13). *Dairy farmers say worker shortage is threatening UK food security*. *The Guardian*.

Reuters. (2025, July 7). China releases plan to improve rural workers' skills, CCTV reports.

World Bank, & Food and Agriculture Organization of the United Nations. (2009). *Farm mechanization and agricultural productivity*.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agricultural Holdings by State, Malaysia, 2023

Negeri *State*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Malaysia	**1,012,993**	**98.0**	**21,189**	**2.0**	**1,034,182**	**100.0**
Johor	102,423	96.6	3,580	3.4	106,003	100.0
Kedah	127,996	99.0	1,235	1.0	129,231	100.0
Kelantan	87,597	99.5	442	0.5	88,039	100.0
Melaka	13,018	94.2	802	5.8	13,820	100.0
Negeri Sembilan	44,011	97.0	1,344	3.0	45,355	100.0
Pahang	87,356	97.2	2,543	2.8	89,899	100.0
Perak	105,228	97.6	2,596	2.4	107,824	100.0
Perlis	19,994	99.3	131	0.7	20,125	100.0
Pulau Pinang	12,559	91.6	1,154	8.4	13,713	100.0
Sabah	156,770	98.4	2,624	1.6	159,394	100.0
Sarawak	145,377	98.6	2,034	1.4	147,411	100.0
Selangor	35,933	95.6	1,646	4.4	37,579	100.0
Terengganu	72,405	99.1	684	0.9	73,089	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,428	81.2	330	18.8	1,758	100.0
W.P. Labuan	732	95.6	34	4.4	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.3	10	5.7	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:
1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023

Table 1.1: Agricultural Holdings by Administrative District, Negeri Sembilan, 2023

Daerah Pentadbiran *Administrative District*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Negeri Sembilan	**44,011**	**97.0**	**1,344**	**3.0**	**45,355**	**100.0**
Jelebu	7,731	98.4	127	1.6	7,858	100.0
Kuala Pilah	5,642	98.3	96	1.7	5,738	100.0
Port Dickson	3,280	95.5	154	4.5	3,434	100.0
Rembau	3,382	96.5	121	3.5	3,503	100.0
Seremban	5,244	93.3	378	6.7	5,622	100.0
Tampin	7,090	97.7	168	2.3	7,258	100.0
Jempol	11,642	97.5	300	2.5	11,942	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States and administrative districts indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agricultural Holdings by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor *Subsector*		**Individu** *Individual*		**Pertubuhan** *Establishment*		**Pegangan Pertanian** *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	236,241	96.0	9,806	4.0	246,047	100.0
	Padi *Paddy*	130,394	99.9	170	0.1	130,564	100.0
	Getah *Rubber*	386,910	99.9	309	0.1	387,219	100.0
	Nanas *Pineapple*	7,752	96.2	308	3.8	8,060	100.0
	Kenaf *Kenaf*	862	99.5	4	0.5	866	100.0
	Lada *Pepper*	32,191	100.0	10	0.0	32,201	100.0
	Koko *Cocoa*	4,147	99.6	16	0.4	4,163	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	87,729	97.4	2,375	2.6	90,104	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	44,261	94.3	2,658	5.7	46,919	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	38,801	96.7	1,344	3.3	40,145	100.0
Ternakan *Livestocks*		44,087	93.7	2,963	6.3	47,050	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	48,267	99.2	399	0.8	48,666	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	8,407	81.8	1,872	18.2	10,279	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		7,930	93.7	534	6.3	8,464	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Negeri Sembilan, 2023

Table 2.1: Agricultural Holdings by Subsector, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor *Subsector*		Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	9,454	95.6	434	4.4	9,888	100.0
	Padi *Paddy*	186	98.9	2	1.1	188	100.0
	Getah *Rubber*	28,689	99.9	31	0.1	28,720	100.0
	Nanas *Pineapple*	177	95.2	9	4.8	186	100.0
	Lada *Pepper*	2	100.0	-	-	2	100.0
	Koko *Cocoa*	14	100.0	-	-	14	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	2,844	93.5	198	6.5	3,042	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	1,007	83.9	193	16.1	1,200	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	579	85.8	96	14.2	675	100.0
Ternakan *Livestocks*		1,153	80.2	284	19.8	1,437	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	477	100.0	-	-	477	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	312	67.1	153	32.9	465	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		89	80.9	21	19.1	110	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
